

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

OPR masih rendah dijangka tidak jejas sentimen hartanah

OPR masih rendah dijangka tidak jejas sentimen hartanah

Sektor dijangka terus momentum pemulihan selari pertumbuhan ekonomi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kadar Dasar Semalaman (OPR) semasa pada 2.75 peratus dilihat masih rendah berbanding paras sebelum pandemik, sekali gus dijangka tidak menjejaskan secara ketara sentimen dalam pasaran hartanah.

Pengarah Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Sr Aina Edayu Ahmad, berkata paras OPR semasa belum berada pada paras sebelum pandemik iaitu sekitar 3.25 peratus.

Beliau berkata, dengan paras yang masih rendah berbanding sebelum pandemik, ia menunjukkan dasar kewangan adalah akomodatif pada masa ini.

"OPR belum mencapai tahap sebelum pandemik. Justeru, ia bu-



Abdul Razak (dua dari kanan) mendengar penerangan daripada Aina Edayu (kanan) pada Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2022 di Bangi, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

kan menjadi isu," katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2022 di Bangi, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas sama ada paras OPR memberi kesan terhadap permintaan hartanah.

Pada minggu lalu, Jawatankua-

sa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan mengekalkan OPR pada 2.75 peratus.

Pada mesyuarat pertama bagi 2023 pada Januari lalu, MPC BNM mengambil keputusan yang mengekalkan kadar penanda aras

pinjaman dan deposit itu pada 2.75 peratus selepas empat kenaikan secara berturut-turut tahun lalu.

OPR dinaikkan bermula Mei, Julai, September dan November tahun lalu, dengan masing-masing meningkat 25 mata asas kepada 2.75 peratus berbanding paras rekod terendah 1.75 per-

atus sebelumnya.

Mengenal prospek pasaran hartanah tahun ini, Aina Edayu berkata, sektor dijangka meneruskan momentum pemulihan selari dengan pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, inisiatif yang digariskan di bawah Belanjawan 2023 turut menyokong aktiviti pasaran harta tanah negara di samping dasar yang akomodatif.

Kediaman siap tak terjual

Katanya, situasi kediaman siap tidak terjual juga dilihat bertambah baik dengan mencatatkan pengurangan terutama di Johor, Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Mengulas jangkaan prestasi kediaman siap tidak terjual tahun ini, Aina Edayu berkata, situasi itu akan bergantung kepada kadar serapan dalam pasaran.

Jelasnya, semua bergantung kepada sentimen pemaju dan isi rumah sama ada mereka positif kepada tinjauan ekonomi serta pendapatan.

"Seperti yang kita tahu, hartanah adalah *big ticket item* yang mana ia adalah komitmen sepanjang hayat. Jika sentimen positif, kita akan lihat lebih banyak serapan," katanya.